

Surat Terbuka:

KEPADA JAWATANKUASA PENAJA KOLEJ ISLAM

[Penulis surat ini ialah seorang alim fadil lagi menjadi guru besar dalam sebuah sekolah agama yang terkenal di salah sebuah negeri Melayu. Rasa tak puas hati yang dizahirkannya terhadap langkah layanan jawatankuasa Kolej Islam dan “Jawatankuasa Pemilihan Guru” sayogia mendapat penjelasan yang memuaskan-Pengarang.]

Nama Islam dan langkahan jawatankuasa penaja Kolej Islam yang difahamkan berusaha untuk kebajikan dan maslahah Islam itulah yang menjadikan saya memohon jawatan guru Kolej Islam yang diwar-warkan itu.

Dalam bulan Julai yang lalu saya menerima sepucuk surat bilangan (39) menjemput saya hadir ke Johor Baharu di dalam peperiksaan yang diadakan pada 23 Ogos. Maka mengikut keadaan peperiksaan yang dijalankan pada hari itu saya yakin bahawasanya saya tidaklah terkebelakang dalam dugaan itu istimewa pula saya telah menerima berita yang dipercayai daripada beberapa orang kenamaan yang pulang dari Singapura dan Johor tidak beberapa lama lepas saya menghadiri peperiksaan itu menguatkan telahan dan keyakinan saya itu.

Tiba-tiba selang dua bulan setengah lepas peperiksaan itu, maka pada 9 November saya terima satu memorandum yang tidak tersebut padanya bilangan kertas dan tidak bernombor minit yang bersabit ditandatangani oleh setiausaha jawatankuasa penaja menyatakan “bahawa permohonan tuan tidak berhasil” dengan tidak memberi alasan yang ma’qūl dan bagaimana yang lazim. Maka oleh keraguan hati lalulah saya ulangi menulis surat kepada setiausaha lagi kalau-kalau saya mendapat kenyataan yang jelas dan memuaskan. Tiba-tiba pada 30 November saya terima satu memo lagi menyatakan keputusan itu ialah dengan

kehendak “Jawatankuasa Guru-guru” dengan tidak juga disebutkan alasan yang menyenangkan hati.

Maka daripada keadaan dua memo yang ganjil itu yang saya buktikan ringkasannya di atas dan daripada lain-lain perintah lagi menjadikan saya bertambah wasangka hatta ditelahkan barangkali yang dikatakan jawatankuasa pemilih itu ialah satu jawatankuasa lain pula agaknya disusun untuk mendapat tazkiyah atau seumpamanya kerana diketahui lepas sebulan lebih kurang daripada tempoh diadakan peperiksaan itu seorang daripada ahli jawatankuasa derma kolej cawangan negeri saya berlepas ke Johor Bahru menghadiri satu mesyuarat berkenaan dengan guru-guru Kolej Islam dan lain hal selepas ia pulang dari Johor dan Klang diberitakan “Bahawa guru-guru yang diperiksa itu semuanya lulus dan dipilih meskipun yang menyampaikan berita itu seorang sebagai ketua agama tempatan tidaklah sayogia dipercayai kerana kerap berita itu tinggal menjadi berita tetapi yang sayogia diberati dan diamat-amati takut-takut kalau pisang berbuah dua kali. Junjungan besar kita *ṣallā Allāh ‘alaihi wa sallam* telah memperingatkan umatnya jangan diperdayakan orang bagaimana sabdanya “*La yaldaghul mū’min min juhrin marratayn*”. Yang demikian sukalah saya bertanya-sekiranya benar kejadian mengambil fikiran dan pendapat ahli jawatankuasa tiap-tiap

negeri atas bakal guru-guru kolej setelah diperiksa dan ditanggungkan mereka itu beberapa bebanan maka adalah tindakan itu suatu perbuatan yang tidak bijak dan tidak adil bahkan dibimbing kalau-kalau jawatankuasa pemeriksa dan penaja sama terbabit di bawah suatu dugaan dan suasana yang sentiasa dipermainkan oleh anasir dan orang-orang yang memusuhi kebenaran dan syariat Islam atau yang menggunakan polisi lempar batu sembunyi tangan bagi muslihat peribadi yang tidak halal dan tidak besar menfaatnya. Padahal Kolej Islam ini baharu hendak bertunas dengan bantuan kaum Melayu, Arab, India dan lain-lain kaum di Malaya ini yang dipimpin oleh beberapa ketua-ketua kaum yang jujur dan waras tujuannya. Maka bagi dijadikan sempena yang baik bagi ahli jawatankuasa penaja kolej dan lain-lainnya yang diharap supaya dijadikan renungan dan perhatian, saya sajikan empat ayat daripada al-Quran al-Hakim:-

1. *Alam tara ilā alladhīnā ūtū naṣībān min al-kitābi yashtarūna al-ḍalālat wa yurīdūna an taqillū al-sabīl wa Allāhu a’lamu bi a’daykum wa kafā billāhi waliyyān wa kafaā billāhi naṣīra-43 al-Nisā’.*
2. *yā ayyuhā al-ladhīna amanū kūnū qawwāmīnā Allāh shuhadā’ bil qisṭ wala yajraminkum shana ’ānu qawmin la ta’ditū a’ditū ahuwa aqrabu lil taqwā- al-Mā’idah, 9.*
3. *Yā ayyuhā al-ladhīna ‘āmanū in jā’akum fāsiqūm binaba ’in fatabayyanū antuṣībū qawmam bijahālatin fatuṣbiḥu ‘alā mā fa’altum nādimīn- al-Ḥujurāt, 6.*
4. *Afaman assasa bunyānahu ‘alā taqwā mina Allāhi wa riḍwānin khayrun am min assasa bunyānahu ‘alā shafā jurufin hār- al-Tawbah, 108.*

Oleh yang demikian saya seru ciptakanlah keadilah dan belakanlah hak walau bagi sesiapa dan dari sesiapa sekalipun. Sesungguhnya tidaklah saya menulis ini melainkan berpedomanan ajaran Rasulullah ṣallā Allāh ‘alaihi wa sallam yang menggalakkan orang yang empunya hak menuntut haknya baik

-sambungan dari muka 10

- | | | |
|---|---|--|
| <p>26</p> <p><i>Akannnya baling anaknya pula,
Dengan tongkat tiada bertalu,
Sekali jiwa pecah selalu,
Tumpah berselerak tiada kelulu.</i></p> | <p>27</p> <p><i>Dilihatnya akan kedua baling,
Tatkala pecah keduanya hilang,
Kemana gerangan kembali pulang,
Hairan hatinya bukan kepalang.</i></p> | <p>28</p> <p><i>Lalu berkhabar kepada ayahanda:
“Sebutir baling pun sudah tiada!
Tadinya dua dipandang ada,
Terlalu hairan hati anakanda.”</i></p> |
| <p>29</p> <p><i>Saudagar teringat di dalam pengetahuan,
Akan julingan anakanda bangsawan,
Terperanjat hatinya bercampur rawan,
Lalu berkata dengan kepluan:</i></p> | <p>30</p> <p><i>“Ketahuilah oleh anakku Fu’ad,
Kesalahan dari anakku semata;
Oleh tak betul pemandangan mata,
Satu dipandang dua yang nyata!”</i></p> | <p>31</p> <p><i>Demikian inilah misalnya, tuan,
Sekuat-kuat jalan alam pengetahuan,
Ialah mata menjadi haluan,
Jika tersalah rambang tujuan.</i></p> |

Dengan lidah mahupun dengan penanya, sabdanya: “*Inni liṣāḥib al-ḥaq maqāla*” – *Wa llāhul hādī ilā suwā’u al-sabīl.*

-“*Talibul haq*”.